

**PERLEMBAGAAN BAGI
PERTUBUHAN INDUK
PERTUBUHAN IKRAM MALAYSIA**

FASAL 1 NAMA

Pertubuhan ini dikenali dengan nama Pertubuhan IKRAM Malaysia selepas ini disebut "IKRAM". Ia adalah sebuah pertubuhan dakwah, kebajikan serta tarbiah yang mengambil peduli tentang urusan-urusan kehidupan masyarakat umum sejajar dengan cara hidup dan ajaran-ajaran Islam. Ia tidak bertujuan membuat keuntungan dan berusaha untuk penegakan perundangan Islam di Malaysia.

FASAL 2 TEMPAT URUSAN

Alamat tempat urusan dan alamat surat menyurat dan Ibu Pejabat IKRAM ialah:

No. 6, Jalan Dagang SB 4/1,
Taman Sungai Besi Indah,
43300 Seri Kembangan,
Selangor Darul Ehsan.

atau di tempat lain yang akan ditetapkan dari semasa ke semasa oleh Jawatankuasa Pusat; dan selepas mendapat kebenaran dari Pendaftar Pertubuhan terlebih dahulu.

FASAL 3 DASAR, COGAN KATA DAN LAMBANG

3.1 DASAR

3.1.1 Dasar IKRAM ialah Islam, dan asas pegangannya ialah Al-Qur'an, As-Sunnah, Ijma' dan Ijtihad.

3.2 COGAN KATA

3.2.1 Cogan kata IKRAM ialah "Ukhuwah Teras Kegemilangan".

3.3 LAMBANG

3.3.1 Lambang IKRAM adalah seperti dikepilkan. Ia merupakan sebuah logo yang merangkumi dua bahagian: Sebuah huruf Arab atau Jawi iaitu "alif"; dan sebuah "glob" atau "dunia" di atas "alif". Bila dicantumkan, kedua-dua bahagian ini boleh dilihat sebagai huruf Roman "I". Maka kaedah seni yang digunakan menghasilkan pencantuman dan penindihan antara "alif" dengan "I".

3.3.2 Makna lambang IKRAM ialah seperti berikut:

3.3.2.1 Huruf Arab "alif" dan huruf Roman "I" adalah permulaan bagi perkataan Ikram, Islam, Iman dan Ihsan serta juga beberapa perkataan yang membawa makna yang positif di dalam bahasa Melayu dan bahasa Inggeris seperti Inovasi dan Integriti.

3.3.2.2 Dua warna yang digunakan ialah warna batu firus hijau kebiru-biruan atau turquoise (Dewan Bahasa dan Pustaka, 2002. Kamus Dwibahasa Bahasa Inggeris - Bahasa Melayu Edisi Kedua) bagi "alif" dan warna hijau bagi "glob". Warna batu firus adalah warna segar kontemporari dan warna hijau adalah warna kesegaran sejagat.

FASAL 4 **MATLAMAT**

IKRAM ialah sebuah pertubuhan Islam yang menyeluruh, yang bekerja untuk menegakkan Islam di Malaysia. Matlamat IKRAM ialah:

4.1 Menyebarkan risalah Islam melalui dakwah, serta mempertahankannya daripada kebatilan dan syubahat;

4.2 Mengumpulkan hati dan jiwa individu Muslim di atas dasar Islam dan membina akhlak yang mulia;

4.3 Meninggikan taraf sosio-ekonomi umat Islam;

4.4 Memupuk keadilan masyarakat dan kesejahteraan social serta membentaras kejahilan, kemiskinan, keruntuhan moral dan menggalakkan kerja kebajikan, tanpa mengira bangsa dan agama;

4.5 Memperjuangkan hak umat Islam dan berusaha meningkatkan kesatuan dan perpaduan di kalangan mereka;

4.6 Menegakkan syariat Islam secara praktikal;

4.7 Mengadakan hubungan dan kerjasama dengan mana-mana pihak dalam memajukan kepentingan umat Islam;

4.8 Bekerjasama dengan mana-mana pertubuhan yang mempunyai objektif yang selari bagi memajukan kepentingan Islam, umat Islam dan masyarakat.

FASAL 5 **KATEGORI KEAHLIAN**

Untuk melaksanakan dakwah dan tarbiyah secara yang bersistem, keahlian IKRAM terdiri daripada empat (4) kategori iaitu:

5.1 Ahli Biasa

5.1.1 Ahli Biasa terbuka kepada semua warganegara Malaysia yang beragama Islam dan berusia 18 tahun ke atas.

5.1.2 Permohonan menjadi Ahli Biasa hendaklah dikemukakan melalui Jawatankuasa Kawasan dan Jawatankuasa Negeri untuk diluluskan oleh Jawatankuasa Pusat.

5.1.3 Jawatankuasa Pusat berhak, menurut budi bicaranya, menolak sebarang permohonan keahlian tanpa memberi sebab.

5.2 Ahli Aktif

5.2.1 Ahli Aktif ialah mereka yang telah membuktikan komitmen kepada program IKRAM dan telah mengikuti dengan sempurna program pembangunan ahli yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Pusat.

5.2.2 Pencalonan sebagai Ahli Aktif diluluskan oleh Jawatankuasa Negeri.

5.2.3 Calon bagi Ahli Aktif hendaklah telah menjadi Ahli Biasa sekurang-kurangnya selama tiga (3) tahun,

5.3 Ahli Teras

5.3.1 Ahli Teras ialah mereka yang telah menunjukkan kemampuan kepemimpinan, komitmen, dan penguasaan ilmu.

5.3.2 Pencalonan sebagai Ahli Teras hendaklah dikemukakan oleh Jawatankuasa Negeri untuk diluluskan oleh Jawatankuasa Pusat.

5.3.3 Calon bagi Ahli Teras hendaklah telah menjadi Ahli Aktif sekurang-kurang tiga (3) tahun,

5.4 Ahli Kehormat

5.4.1 Ahli Kehormat ialah keahlian yang dianugerahkan kepada sesiapa yang difikirkan layak oleh Jawatankuasa Pusat dengan mendapat persetujuan bertulis daripada ahli tersebut.

FASAL 6 HAK AHLI

6.1 Ahli Biasa

6.1.1 Ahli Biasa berhak mengambil bahagian dalam program dan kegiatan umum IKRAM.

6.1.2 Ahli Biasa berhak menghadiri mesyuarat di peringkat Kawasan.

6.1.3 Ahli Biasa berhak untuk bersuara dan mengundi untuk semua pemilihan pada peringkat Kawasan.

6.2 Ahli Aktif

Ahli Aktif mempunyai semua hak Ahli Biasa, dengan ditambah hak-hak berikut:

6.2.1 Mengundi untuk semua pemilihan pada peringkat Negeri sebagaimana yang diperuntukkan;

6.2.2 Dicalonkan dan dipilih untuk menganggotai Jawatankuasa Kawasan;

6.2.3 Dicalonkan dan dipilih untuk mewakili Kawasan ke Majlis Perwakilan Negeri.

6.3 Ahli Teras

Ahli Teras mempunyai semua hak Ahli Aktif, dengan ditambah hak-hak berikut:

6.3.1 Mengundi untuk semua pemilihan pada peringkat Nasional sebagaimana yang diperuntukkan;

6.3.2 Dicalonkan dan dipilih untuk menganggotai Jawatankuasa Negeri, JawatanKuasa Pusat dan Dewan Perwakilan Nasional.

6.3.3 Menghadiri dan bersuara dalam Perhimpunan Ahli Teras IKRAM.

6.4 Ahli Kehormat

6.4.1 Tiap-tiap Ahli Kehormat berhak menghadiri Dewan Perwakilan Nasional dengan undangan Jawatankuasa Pusat dan bercakap dengan izin pengerusi tetapi tidak berhak mengundi atau memegang mana-mana jawatan dalam IKRAM.

FASAL 7 TANGGUNGJAWAB AHLI.

7.1 Setiap ahli bertanggungjawab memegang teguh kepada dasar dan aspirasi IKRAM, dan mematuhi perintah, peraturan dan disiplin IKRAM.

7.2 Setiap ahli bertanggungjawab mengikuti program pembangunan ahli yang ditetapkan untuknya.

7.3 Setiap ahli wajib membayar yuran keahlian IKRAM.

FASAL 8 TINDAKAN DISIPLIN

8.1 Jawatankuasa Pusat boleh menubuhkan Jawatankuasa Disiplin untuk mengendalikan urusan disiplin ahli mengikut peraturannya. Dewan Perwakilan Nasional boleh menggubal peraturan-peraturan disiplin ahli.

8.2 *****DIMANSUHKAN*****

8.3 *****DIMANSUHKAN*****

8.4 *****DIMANSUHKAN*****

8.5 *****DIMANSUHKAN*****

FASAL 9 **AKTIVITI IKRAM**

Untuk mencapai matlamatnya IKRAM akan melaksanakan aktiviti berikut, dan aktiviti lain yang dibenarkan oleh syariat Islam dan Undang-undang Malaysia.

9.1 Dakwah

IKRAM berusaha menyampaikan dan menyebarkan risalah Islam kepada segenap lapisan masyarakat menggunakan pelbagai media, cara dan metodologi.

9.2 Tarbiyyah

9.2.1 Tarbiyyah IKRAM dilaksanakan untuk membina ahli IKRAM dan menghidupkan hakikat beriltizam kepada Islam secara teori dan amali, pada peringkat diri, keluarga dan masyarakat.

9.2.2 IKRAM menekankan pendidikan ahli keluarga dengan tarbiyyah yang menyeluruh mengikut Qur'an dan Sunnah.

9.2.3 Tarbiyyah IKRAM berperanan membina ukhuwah yang benar dan sikap bekerjasama di antara satu dengan yang lain, sehingga dengannya diharap akan terterap fikrah kesatuan Islam.

9.2.4 IKRAM berusaha untuk membentuk generasi yang memahami Islam dengan fahaman yang jelas, mempraktikkan syari'atnya dan mengarahkan kemajuan mengikut dasarnya.

9.2.5 IKRAM berusaha memberi nasihat dan mengutarakan pandangan Islam sebagai dasar dalam semua urusan kemasyarakatan termasuk pendidikan, pembelajaran, perundangan, kehakiman, media massa, pentadbiran, pertahanan, politik, ekonomi, kesihatan dan pemerintahan.

9.2.6 Membangun institusi pendidikan, kemasyarakatan, ekonomi, sains dan teknologi, hospital, rumah perlindungan dan rumah kebajikan.

9.2.7 Melakukan kerja-kerja kebajikan.

9.2.8 Melaksanakan pengislahan individu dan keluarga, dan berusaha membenters penyakit sosial seperti zina, penyalahgunaan dadah, minuman keras, judi dan amalan khurafat.

9.2.9 Mewujudkan platform bagi membimbing para remaja dan belia dengan perkara yang berfaedah.

9.2.10 Menerima derma dan sumbangan wang daripada ahli IKRAM, pertubuhan dan orang awam untuk mencapai matlamat IKRAM.

9.2.11 Melakukan sebarang usaha yang sah dari segi undang-undang untuk meningkatkan sumber kewangan IKRAM, termasuk melakukan usaha perniagaan. Keuntungan dari perniagaan akan dilaburkan kembali atau digunakan untuk aktiviti dan kepentingan IKRAM.

FASAL 10 **ORGANISASI**

Organisasi IKRAM terdiri daripada komponen berikut:

10.1 Presiden, iaitu Pemimpin Tertinggi IKRAM dan juga Ketua Jawatankuasa Pusat.

10.2 Jawatankuasa Pusat, badan eksekutif dan pentadbiran IKRAM yang bertanggungjawab melaksanakan dasar dan keputusan Dewan Perwakilan Nasional.

10.3 Dewan Perwakilan Nasional (DPN), merupakan badan kuasa tertinggi IKRAM, berperanan menentukan dasar dan perancangan utama IKRAM dan memilih Presiden dan Jawatankuasa Pusat.

10.4 Perhimpunan Ahli Teras, merupakan forum musyawarah bagi Ahli Teras dan berperanan memilih Wakil Umum Dewan Perwakilan Nasional.

10.5 Jawatankuasa Negeri, berperanan memimpin dan melaksanakan program IKRAM pada peringkat negeri.

10.6 Majlis Perwakilan Negeri, berperanan memantau pelaksanaan dasar dan perancangan utama IKRAM pada peringkat negeri dan memilih Jawatankuasa Negeri.

10.7 Jawatankuasa Kawasan, berperanan memimpin dan melaksanakan program IKRAM pada peringkat Kawasan.

10.8 Mesyuarat Agung Kawasan, memantau pelaksanaan dasar dan perancangan utama IKRAM pada peringkat kawasan dan memilih Jawatankuasa Kawasan.

FASAL 11 **SYARAT KELAYAKAN PRESIDEN, TIMB. DAN NAIB PRESIDEN**

Peribadi yang hendak dipilih sebagai Presiden, Timbalan Presiden dan Naib-naib Presiden perlu memenuhi syarat berikut:

11.1 Terdiri dari kalangan Anggota Dewan Perwakilan Nasional;

11.2 Berusia tidak kurang daripada 40 tahun;

11.3 Menguasai ilmu Islam yang melayakkannya menjadi pemimpin;

11.4 Memiliki kemampuan, akhlak dan sifat kepemimpinan;

11.5 Beriltizam dengan Islam pada diri dan keluarganya;

11.6 Tidak pernah disabitkan bersalah yang membawa hukuman pembekuan keahliannya atau penyingkiran, kecuali sesudah melebihi empat (4) tahun daripada hukuman-hukuman tersebut.

FASAL 12 PEMILIHAN PRESIDEN

12.1 Kuasa memilih Presiden terletak pada Dewan Perwakilan Nasional.

12.2 Korum Dewan Perwakilan Nasional bagi memilih Presiden ialah dua per tiga (2/3) daripada jumlah bilangan Anggota Dewan Perwakilan Nasional. Sekiranya dua per tiga (2/3) daripada Anggota Dewan Perwakilan Nasional tidak dapat berkumpul, Dewan Perwakilan Nasional hendaklah dipanggil untuk persidangan kali yang kedua bagi memilih Presiden dalam tempoh tiga puluh (30) hari setelah persidangan yang pertama dipanggil, dan ianya sah sekiranya dihadiri oleh majoriti mutlak daripada jumlah bilangan Anggota Dewan Perwakilan Nasional.

12.3 Presiden dipilih secara undi rahsia dan perlu memperolehi majoriti mutlak daripada jumlah bilangan Anggota Dewan Perwakilan Nasional.

FASAL 13 PEMBERHENTIAN DAN PENGGANTIAN PRESIDEN

13.1 Apabila Presiden tidak melaksanakan kewajipan-kewajipan tugasnya atau hilang kelayakan untuk jawatan tersebut, maka Dewan Perwakilan Nasional boleh dipanggil oleh Jawatankuasa Pusat atau dengan permintaan satu pertiga (1/3) daripada Anggota Dewan Perwakilan Nasional untuk mengambil keputusan terhadap isu tersebut.

13.2 Korum Dewan Perwakilan Nasional bagi kes melucutkan Presiden daripada jawatannya ialah sekurang-kurangnya satu perdua (1/2) daripada jumlah Anggota Dewan Perwakilan Nasional. Jika korum tidak dicapai dalam tempoh SATU jam setelah waktu mesyuarat dijadualkan bermula, persidangan itu dianggap terbatal. Keputusan bagi melucutkan jawatan Presiden hanya boleh dibuat dengan majoriti mutlak jumlah Anggota Dewan Perwakilan Nasional.

13.3 Dalam kes seseorang Presiden memohon untuk meletakkan jawatan secara sukarela, keputusan sama ada untuk menerima atau menolak permohonan tersebut boleh diambil oleh Dewan Perwakilan Nasional secara undian majoriti mutlak.

13.4 Apabila berlaku kekosongan jawatan Presiden maka Timbalan Presiden hendaklah mengambil alih tempat Presiden sehingga seorang Presiden yang baru selesai dipilih. Sekiranya kedua-dua jawatan Presiden dan Timbalan Presiden menjadi kosong serentak, Jawatankuasa Pusat hendaklah melantik salah seorang Naib Presiden untuk mengambil alih tempat Presiden sehingga seorang Presiden yang baru selesai dipilih.

13.5 Apabila berlaku kekosongan jawatan Presiden, Dewan Perwakilan Nasional hendaklah memilih seorang Presiden yang baru dalam tempoh tiga (3) bulan dari tarikh berlakunya kekosongan tersebut. Presiden yang baru hendaklah meneruskan tugasnya sehingga berakhir baki penggal Presiden yang lalu.

FASAL 14 TUGAS PRESIDEN, TIMB. DAN NAIB PRESIDEN

14.1 Tugas dan tanggungjawab Presiden merangkumi:

14.1.1 Menjadi pemimpin tertinggi IKRAM, dan bertanggungjawab ke atas kesempurnaan perjalanan IKRAM secara keseluruhannya serta mengawal dan menyelia semua aktiviti IKRAM berdasarkan kepada peruntukan Undang-undang ini.

14.1.2 Memanggil dan mempengerusikan mesyuarat Jawatankuasa Pusat.

14.1.3 Mewakili IKRAM dalam urusan rasmi dan hubungan dengan pihak luar.

14.1.4 Menamakan tidak lebih daripada sembilan (9) orang bagi menganggotai Jawatankuasa Pusat, dengan sekurang-kurang tiga (3) orang daripada mereka adalah Anggota Dewan Perwakilan Nasional, dengan syarat disahkan oleh Dewan Perwakilan Nasional.

14.2 Penggal perkhidmatan bagi Presiden adalah sama dengan penggal Dewan Perwakilan Nasional. Seseorang Presiden boleh dipilih semula untuk penggal yang baru.

14.3 Seseorang Presiden yang telah tamat penggalnya hendaklah menjalankan tugasnya sehingga Dewan Perwakilan Nasional memilih seorang Presiden yang baru, atau Dewan Perwakilan Nasional melantik beliau semula.

14.4 Presiden hendaklah bertugas sepenuh masa bagi jawatan tersebut kecuali sekiranya Dewan Perwakilan Nasional memutuskan sebaliknya. IKRAM hendaklah menanggung saraan dan perbelanjaannya.

14.5 Timbalan Presiden berperanan membantu Presiden menjalankan tugas-tugas

dan tanggungjawabnya, dan mengambil peranan Presiden ketika ketiadaan Presiden.

14.6 Naib Presiden berperanan membantu Presiden dan Timbalan Presiden menjalankan tugas-tugas dan tanggungjawabnya, dan menjalankan apa-apa kerja yang diserahkan oleh Presiden kepadanya.

14.7 Dalam keadaan ketiadaan kedua-dua Presiden dan Timbalan Presiden, Jawatankuasa Pusat hendaklah memutuskan salah seorang daripada Naib Presiden untuk mengambil peranan Presiden.

FASAL 15 **JAWATANKUASA PUSAT**

15.1 Jawatankuasa Pusat dianggotai oleh tidak lebih daripada dua puluh tiga (23) orang seperti berikut:

15.1.1 Presiden;

15.1.2 Seramai sebelas (11) orang yang dipilih oleh Dewan Perwakilan Nasional secara undi rahsia dari kalangan anggotanya;

15.1.3 Ketua Wanita; yang dipilih oleh Wanita IKRAM mengikut Peraturan Wanita IKRAM.

15.1.4 Seramai tidak lebih daripada sepuluh (10) orang dari kalangan Ahli Teras, dengan sekurang-kurang tiga (3) orang daripada mereka merupakan Anggota Dewan Perwakilan Nasional, yang dinamakan oleh Presiden, dengan syarat disahkan oleh Dewan Perwakilan Nasional.

15.2 Sekurang-kurangnya tiga (3) orang dari Anggota Jawatankuasa Pusat hendaklah dari kalangan wanita.

15.3 Penggal perkhidmatan Jawatankuasa Pusat adalah sama dengan penggal Dewan Perwakilan Nasional.

15.4 Setelah selesai pemilihan Anggota Jawatankuasa Pusat, Dewan Perwakilan Nasional hendaklah memilih dari kalangan Anggota Jawatankuasa Pusat seorang Timbalan Presiden dan dua orang Naib Presiden yang akan diluluskan oleh Anggota Dewan Perwakilan Nasional.

15.5 Jawatankuasa Pusat hendaklah melantik dari kalangan anggotanya seorang Setiausaha Agung, seorang Penolong Setiausaha Agung dan seorang Bendahari.

15.6 Tugas dan tanggungjawab Setiausaha Agung merangkumi:

15.6.1 Memastikan kesempurnaan perjalanan mesyuarat Jawatankuasa Pusat

serta menyimpan semua minit dan rekod yang berkenaan;

15.6.2 Memastikan kesempurnaan dan kelicinan urusan pentadbiran IKRAM, termasuk menguruskan Pejabat IKRAM;

15.6.3 Menyediakan Penyata Tahunan IKRAM yang melaporkan perjalanan dan kemajuan IKRAM setiap tahun untuk diluluskan oleh Jawatankuasa Pusat bagi dibentangkan kepada Dewan Perwakilan Nasional.

15.6.4 Menyimpan dan mengemaskini buku daftar keahlian IKRAM dengan lengkap dan sempurna.

15.6.5 Menghantar Penyata Tahunan dan Laporan Kewangan kepada Pejabat Pendaftar Pertubuhan.

15.7 Penolong Setiausaha Agung berperanan membantu Setiausaha Agung menjalankan tugas dan tanggungjawabnya, dan menjalankan peranan Setiausaha Agung pada masa ketiadaannya.

15.8 Tugas dan tanggungjawab Bendahari merangkumi:

15.8.1 Memastikan kesempurnaan perjalanan kewangan IKRAM;

15.8.2 Menyediakan Penyata Kewangan Tahunan IKRAM bagi diperiksa oleh Pemeriksa Kira-kira IKRAM dan seterusnya dibentangkan kepada Dewan Perwakilan Nasional.

15.8.3 Menyediakan Anggaran Pendapatan dan Perbelanjaan Tahunan IKRAM untuk dibentangkan kepada Dewan Perwakilan Nasional.

15.8.4 Menyimpan dan mengemaskinikan daftar harta IKRAM dengan lengkap dan sempurna, dan membentangkan kedudukannya kepada Dewan Perwakilan Nasional setiap tahun.

FASAL 16 KEPUTUSAN DAN DISIPLIN JAWATANKUASA PUSAT

16.1 Korum Mesyuarat Jawatankuasa Pusat ialah majoriti mutlak, iaitu satu perdua bilangan ahli dan seorang ahli lagi ($1/2 + 1$) daripada bilangan anggotanya; dan keputusan Jawatankuasa Pusat diambil dengan undian majoriti mutlak.

16.2 Setiap orang Anggota Jawatankuasa Pusat berkewajipan untuk mematuhi dan mendokongi semua keputusan dan arahan Jawatankuasa Pusat, sekalipun bercanggah dengan pandangan peribadinya sendiri.

FASAL 17 KUASA, TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB JAWATANKUASA PUSAT

17.1 Tugas dan tanggungjawab Jawatankuasa Pusat merangkumi perkara-perkara berikut:

17.1.1 Merangka perancangan umum IKRAM dan mengemukakannya untuk pertimbangan Dewan Perwakilan Nasional.

17.1.2 Menyelia pelaksanaan perancangan umum yang telah dipersetujui oleh Dewan Perwakilan Nasional.

17.1.3 Mengeluarkan keputusan dan arahan organisasi IKRAM mengikut peruntukan Undang-undang ini.

17.1.4 Menubuhkan jawatankuasa kecil dan agensi pelaksana untuk melaksanakan dasar dan keputusan Dewan Perwakilan Nasional.

17.1.5 Menyelia perjalanan proses pemilihan di semua peringkat dan mengesahkan keputusan-keputusannya.

17.2 Jawatankuasa Pusat berhak memanggil persidangan tergepar Dewan Perwakilan Nasional sekiranya perlu.

17.3 Jawatankuasa Pusat berhak membubarkan Jawatankuasa Negeri dan Jawatankuasa Kawasan mengikut peraturannya, serta melantik Jawatankuasa Sementara sehingga selesai pemilihan Jawatankuasa yang baru dalam tempoh dua bulan.

17.4 Tanpa menjejaskan peruntukan Fasal 5.2.3 dan Fasal 5.3.3, Jawatankuasa Pusat berhak menentukan kategori keahlian seseorang pemohon atau ahli.

FASAL 18 KEKOSONGAN DALAM JAWATANKUASA PUSAT

18.1 Apabila berlaku kekosongan salah satu dari Anggota Jawatankuasa Pusat yang dipilih oleh Dewan Perwakilan Nasional, Dewan Perwakilan Nasional hendaklah memilih pengganti pada perjumpaan terawalnya.

18.2 Sekiranya seseorang Anggota Jawatankuasa Pusat hilang kelayakannya Jawatankuasa Pusat hendaklah membawa kes berkenaan kepada Dewan Perwakilan Nasional untuk tindakan selanjutnya.

18.3 Sebarang perletakan jawatan Anggota Jawatankuasa Pusat hendaklah dikemukakan secara bertulis kepada Jawatankuasa Pusat dan perlu disahkan oleh Dewan Perwakilan Nasional.

FASAL 19 DEWAN PERWAKILAN NASIONAL (DPN)

19.1 Dewan Perwakilan Nasional terdiri tidak lebih daripada 111 anggota, yang

terbahagi seperti berikut:

19.1.1 21 Wakil Umum, yang dipilih dalam Perhimpunan Ahli Teras;

19.1.2 10 Wakil Wanita, yang dipilih oleh Ahli Teras Wanita daripada kalangan mereka semasa Perhimpunan Ahli Teras;

19.1.3 10 Wakil Ulama, yang dipilih oleh Ulama daripada kalangan Ahli Teras semasa Perhimpunan Ahli Teras;

19.1.4 60 Wakil Negeri, yang dipilih oleh Majlis-majlis Perwakilan Negeri;

19.1.5 Tidak lebih daripada 10 anggota tambahan yang dipilih (mengikut Peraturan Kecil Pemilihan yang diluluskan DPN) daripada kalangan Ahli Teras oleh Dewan Perwakilan Nasional pada persidangan pertamanya bagi sesuatu penggal.

19.2 Enam (6) bulan sebelum berakhir sesuatu penggal Dewan Perwakilan Nasional, Jawatankuasa Pusat hendaklah mengesahkan bilangan Ahli Teras dan Ahli Aktif di setiap negeri dan menentukan jumlah wakil setiap negeri ke Dewan Perwakilan Nasional secara berkadaran dengan jumlah bilangan Ahli Teras dan Ahli Aktifnya, dengan syarat setiap negeri diwakili oleh sekurang-kurangnya seorang Wakil Negeri.

19.3 Jawatankuasa Negeri bertanggungjawab mengesahkan senarai nama Ahli Teras di negerinya yang layak dicalonkan sebagai ahli Dewan Perwakilan Nasional.

19.4 Jawatankuasa Pusat bertanggungjawab mengeluarkan peraturan khas yang dipersetujui oleh Dewan Perwakilan Nasional untuk menentukan mekanisme pemilihan dan perkara yang berkaitan dengannya.

FASAL 20 SYARAT KEANGGOTAAN DEWAN PERWAKILAN NASIONAL

Peribadi yang hendak dipilih sebagai Anggota Dewan Perwakilan Nasional hendaklah memenuhi syarat berikut:

20.1 Telah menjadi Ahli Teras selama tidak kurang daripada dua (2) tahun;

20.2 *****Dimansuhkan*****

20.3 Memiliki sifat keperibadian, keilmuan dan pengalaman yang selayaknya.

FASAL 21 KUASA TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB DPN

21.1 Dewan Perwakilan Nasional merupakan badan kuasa tertinggi IKRAM dan perjalanan IKRAM adalah berasaskan kepada kuasa dan perintahnya, tertakluk kepada Undang-undang ini dan Peraturan-peraturan IKRAM. Dasar-dasar IKRAM

adalah ditentukan oleh Dewan Perwakilan Nasional.

21.2 Dewan Perwakilan Nasional bertanggungjawab untuk memilih dan mengesahkan serta berkuasa untuk melucutkan jawatan pemegang-pemegang jawatan berikut berdasarkan kepada kaedah dan prosedur yang ditentukan oleh Undang-undang ini:

21.2.1 Presiden;

21.2.2 Timbalan Presiden;

21.2.3 Naib-naib Presiden;

21.2.4 Anggota Jawatankuasa Pusat

21.3 Dewan Perwakilan Nasional bertanggungjawab untuk meneliti dan membincangkan cadangan dasar dan perancangan umum IKRAM yang dikemukakan oleh Jawatankuasa Pusat. Dewan Perwakilan Nasional berhak untuk menolak, mengubahsuai, memberikan ulasan dan kritikan, atau meluluskan dasar dan perancangan yang dikemukakan.

21.4 Dewan Perwakilan Nasional bertanggungjawab untuk membincang, mengubahsuai dan meluluskan Belanjawan Am IKRAM, dan berkuasa untuk mengesahkan Penyata Kewangan Tahunan IKRAM.

21.5 Dewan Perwakilan Nasional berkuasa untuk melucutkan keahlian seseorang Ahli Teras berdasarkan peraturan-peraturan yang ditetapkan.

21.6 Dewan Perwakilan Nasional berkuasa untuk melantik lima (5) anggota Lembaga Pengadil menurut Peraturan Lembaga Pengadil.

21.7 Dewan Perwakilan Nasional bertanggungjawab untuk memilih dua (2) orang Pemeriksa Kira-kira dari kalangan anggotanya yang bukan merupakan Anggota Jawatankuasa Pusat.

FASAL 22 PROSEDUR AM DEWAN PERWAKILAN NASIONAL

22.1 Dalam pertemuan pertamanya setiap penggal, Dewan Perwakilan Nasional hendaklah memilih Yang Dipertua, Timbalan Yang Dipertua dan Setiausaha Dewan Perwakilan Nasional daripada kalangan anggotanya dengan undian secara rahsia.

22.2 Yang Dipertua merupakan ketua pentadbiran dan persidangan Dewan Perwakilan Nasional, dan bertanggungjawab untuk:

22.2.1 Memanggil dan mempengerusikan Persidangan Dewan Perwakilan Nasional;

22.2.2 Menyelia dan menjaga pelaksanaan peraturan Dewan Perwakilan Nasional;

22.2.3 Menyelaras dengan Jawatankuasa Pusat jadual kerja Dewan Perwakilan Nasional

22.2.4 Memantau perjalanan jawatankuasa-jawatankuasa yang ditubuhkan oleh Dewan Perwakilan Nasional.

22.3 Timbalan Yang Dipertua berperanan untuk membantu Yang Dipertua menjalankan tugas-tugas dan tanggungjawabnya, dan memimpin Dewan Perwakilan Nasional semasa ketiadaan atau keuzuran Yang Dipertua. Sekiranya kedua-dua Yang Dipertua atau Timbalan Yang Dipertua tiada atau uzur, Dewan Perwakilan Nasional hendaklah melantik seorang Pengerusi Sementara dari kalangan ahlinya untuk mengendalikan urusannya.

22.3A Setiausaha Dewan Perwakilan Nasional bertanggungjawab memastikan kesempurnaan perjalanan persidangan Dewan Perwakilan Nasional serta menyimpan semua minit dan rekod yang berkenaan.

22.4 Penggal perkhidmatan Dewan Perwakilan Nasional adalah empat (4) tahun.

22.5 Dewan Perwakilan Nasional berakhir dengan tamat penggalnya atau apabila ia memutuskan untuk membubarkan dirinya, atau apabila satu perdua (1/2) atau lebih daripada Anggotanya mengemukakan perletakan jawatan.

22.6 Semasa ketiadaan Dewan Perwakilan Nasional, Jawatankuasa Pusat bertanggungjawab untuk menyelia pemilihan Dewan Perwakilan Nasional yang baru. Pemilihan Dewan Perwakilan Nasional yang baru hendaklah dilaksanakan dalam tempoh enam puluh (60) hari selepas Dewan Perwakilan Nasional dibubarkan atau selepas tamat penggalnya.

22.7 Semua proses pemilihan Anggota Dewan Perwakilan Nasional hendaklah dilakukan secara undi rahsia.

FASAL 23 PERSIDANGAN DEWAN PERWAKILAN NASIONAL

23.1 Dewan Perwakilan Nasional hendaklah mengadakan Persidangan secara berkala sekurang-kurangnya sebanyak dua (2) kali dalam setahun dengan panggilan dari Yang Dipertua.

23.2 Satu Persidangan Tergempar Dewan Perwakilan Nasional boleh dipanggil oleh Presiden, Jawatankuasa Pusat, atau apabila satu pertiga (1/3) daripada Anggota Dewan Perwakilan Nasional menuntut untuk berbuat demikian dengan cara bertulis kepada Yang Dipertua.

23.3 Korum bagi Persidangan Dewan Perwakilan Nasional adalah majoriti mutlak dari bilangan seluruh anggotanya.

23.4 Keputusan Dewan Perwakilan Nasional diambil dengan majoriti mutlak dari ahli yang hadir, kecuali bagi perkara-perkara yang telah ditetapkan selainnya oleh Undang-undang ini.

23.5 Yang Dipertua hendaklah memberi teguran kepada Anggota Dewan Perwakilan Nasional yang cuai dalam melaksanakan kewajibannya atau bertindak melanggar prinsip IKRAM atau Undang-undang ini. Sekiranya teguran tidak dipedulikan, Yang Dipertua hendaklah membawa kes berkenaan kepada Dewan Perwakilan Nasional.

23.6 Sekiranya seseorang Anggota Dewan Perwakilan Nasional gagal menjalankan tanggungjawabnya dengan tidak hadir ke Persidangan Dewan Perwakilan Nasional sebanyak tiga kali berturut-turut tanpa izin daripada Yang Dipertua, Dewan Perwakilan Nasional berkuasa memutuskan supaya keanggotaannya digugurkan dan tempatnya dikosongkan.

23.7 Sekiranya berlaku kekosongan dalam Dewan Perwakilan Nasional daripada kalangan Wakil Umum, Wakil Wanita atau Wakil Ulama, kekosongan tersebut hendaklah diisi pada Perhimpunan Ahli Teras yang berikutnya.

23.8 Sekiranya berlaku kekosongan dalam Dewan Perwakilan Nasional daripada kalangan Wakil Negeri, kekosongan tersebut hendaklah diisi pada Majlis Perwakilan Negeri yang terdekat.

23.9 Sekiranya berlaku kekosongan dalam Dewan Perwakilan Nasional dari kalangan anggota tambahan, kekosongan tersebut hendaklah diisi dalam persidangan Dewan Perwakilan Nasional secepat mungkin.

FASAL 24 PERHIMPUNAN AHLI TERAS

24.1 Perhimpunan Ahli Teras berhak dihadiri oleh semua Ahli Teras IKRAM dan merupakan forum umum bagi Ahli Teras mengemukakan pandangan dan nasihat kepada kepimpinan IKRAM. Perhimpunan Ahli Teras dipanggil oleh Presiden IKRAM.

24.2 Perhimpunan Ahli Teras hendaklah diadakan pada setiap empat (4) tahun sekali. Semasa Perhimpunan Ahli Teras hendaklah dipilih dua puluh satu (21) Wakil Umum, sepuluh (10) Wakil Umum Wanita dan sepuluh (10) Wakil Ulama ke Dewan Perwakilan Nasional.

24.3 Presiden boleh memanggil Perhimpunan Ahli Teras Khas pada bila-bila masa yang difikirkan perlu.

24.4 Perhimpunan Ahli Teras dipengerusikan oleh Pengerusi Perhimpunan Ahli Teras, yang dipilih oleh Perhimpunan Ahli Teras bagi tempoh empat (4) tahun yang

sama dengan tempoh jawatan lain. Dalam ketiadaan Pengerusi, Perhimpunan Ahli Teras bolehlah melantik seorang dari kalangan ahlinya untuk mempengerusikan Perhimpunan Ahli Teras.

FASAL 25 SAYAP WANITA

Jawatankuasa Pusat boleh menubuhkan Sayap Wanita dengan mengemukakan Peraturan-peraturannya untuk dipertimbangkan dan diluluskan oleh Dewan Perwakilan Nasional.

FASAL 26 SAYAP PEMUDA

Jawatankuasa Pusat boleh menubuhkan Sayap Pemuda dengan mengemukakan Peraturan-peraturannya untuk dipertimbangkan dan diluluskan oleh Dewan Perwakilan Nasional.

FASAL 27 LEMBAGA PENGADILAN

27.1 Dewan Perwakilan Nasional berkuasa untuk menubuhkan Lembaga Pengadilan untuk menyelesaikan pertikaian yang melibatkan ahli dan institusi IKRAM.

27.2 Lembaga Pengadilan beroperasi mengikut peraturan yang ditetapkan oleh Dewan Perwakilan Nasional.

27.3 *****DIMANSUHKAN*****

FASAL 28 JAWATANKUASA NEGERI

28.1 IKRAM boleh menubuhkan cawangan pada peringkat negeri di Malaysia.

28.2 Jawatankuasa Negeri merupakan kepimpinan IKRAM pada peringkat negeri.

28.3 Anggota Jawatankuasa Negeri hendaklah dipilih daripada kalangan Ahli Teras.

28.4 Anggota Jawatankuasa Negeri dipilih oleh Majlis Perwakilan Negeri melalui pemilihan yang dikendalikan oleh Jawatankuasa Pusat mengikut peraturan yang ditetapkannya. Sebolehnya setiap kawasan dalam negeri berkenaan hendaklah diwakili.

28.5 Jawatankuasa Negeri hendaklah terdiri daripada:

28.5.1 Yang Dipertua

28.5.2 Timbalan Yang Dipertua

28.5.3 Ketua Wanita, yang dipilih mengikut Peraturan Wanita IKRAM

28.5.4 Setiausaha

28.5.5 Penolong Setiausaha

28.5.6 Bendahari

28.5.7 Tidak melebihi lapan (8) orang yang dipilih oleh Majlis Perwakilan Negeri.

28.5.8 Tidak melebihi tujuh (7) orang yang dilantik oleh Yang Dipertua

28.6 Sekurang-kurangnya dua (2) orang daripada Anggota Jawatankuasa Negeri hendaklah daripada kalangan wanita.

28.7 Jawatankuasa Negeri hendaklah membentuk dan menyelia jawatankuasa-jawatankuasa untuk mengurus dan melaksanakan kerja dan aktiviti IKRAM di peringkat negeri.

28.8 Tempoh masa Jawatankuasa Negeri adalah dua (2) tahun.

28.9 Sekiranya Yang Dipertua Negeri cuai terhadap kewajipannya atau melanggar Undang-undang ini atau melanggar ketetapan-ketetapan IKRAM, Jawatankuasa Negeri hendaklah membawa perkara tersebut kepada Jawatankuasa Pusat untuk tindakan selanjutnya.

28.10 Penggantian Anggota Jawatankuasa Negeri kerana kekosongan dibuat mengikut prosedur yang sama sebagaimana Anggota asal dipilih atau dilantik.

28.11 Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Wilayah Persekutuan Putrajaya dianggap sebagai negeri.

28.12 Korum mesyuarat Jawatankuasa Negeri ialah satu perdua (1/2) dari jumlah ahlinya.

28.13 Anggota Jawatankuasa Negeri yang dipilih perlu pengesahan dari Jawatankuasa Pusat.

FASAL 29 MAJLIS PERWAKILAN NEGERI

29.1 Berperanan memantau pelaksanaan dasar dan perancangan utama IKRAM pada peringkat negeri.

29.2 Memilih Anggota Jawatankuasa Negeri, Pengerusi Tetap dan Timbalan

Pengerusi Tetap dan dua (2) orang Pemeriksa Kira-kira.

29.3 Majlis Perwakilan Negeri hendaklah terdiri daripada:

29.3.1 Ahli-Ahli Jawatankuasa Negeri, Pengerusi Tetap, Timbalan Pengerusi Tetap dan Pemeriksa Kira-kira Negeri.

29.3.2 Yang Dipertua Kawasan kecuali Kawasan yang digantung; atau wakilnya yang terdiri daripada Ahli Jawatankuasa Kawasan. Yang Dipertua Kawasan yang menjadi Ahli Jawatankuasa Negeri berhak melantik gantinya.

29.3.3 Wakil-wakil bagi tiap-tiap Kawasan yang dilantik oleh Mesyuarat Agung Kawasan. Jumlah wakil dari setiap Kawasan ditentukan oleh Jawatankuasa Negeri secara berkadar dengan jumlah ahli IKRAM yang terdapat di kawasan berkenaan.

29.3.4 Tidak lebih daripada lima (5) orang wakil Wanita IKRAM Negeri yang dipilih oleh Jawatankuasa Wanita IKRAM Negeri.

29.3.5 Ketua Wanita Kawasan yang layak kecuali Kawasan yang digantung atau wakilnya yang terdiri daripada Ahli Jawatankuasa Wanita IKRAM Kawasan. Ketua Wanita Kawasan yang menjadi Ahli Jawatankuasa Negeri berhak melantik gantinya.

29.4 ***** DIMANSUHKAN *****

29.5 Semua Ahli Aktif dan Ahli Teras layak untuk dipilih menjadi wakil Kawasan ke Majlis Perwakilan Negeri.

29.6 Persidangan Majlis Perwakilan Negeri dipanggil dan dipengerusikan oleh Pengerusi Tetapnya, dan dalam ketiadaannya oleh Timbalan Pengerusi Tetap. Jika kedua-duanya tidak dapat mempengerusikan persidangan Majlis Perwakilan Negeri, persidangan bolehlah memilih salah seorang Ahli Majlis Perwakilan Negeri untuk mempengerusikannya.

29.7 Majlis Perwakilan Negeri melaksanakan Mesyuarat Agung Tahunan peringkat negeri, iaitu untuk menerima Laporan Tahunan dan mengesahkan Laporan Kewangan.

29.8 Tempoh masa Majlis Perwakilan Negeri adalah dua (2) tahun.

29.8A Tempoh masa jawatan Pengerusi Tetap dan Timbalan Pengerusi Tetap adalah selama tempoh masa Majlis Perwakilan Negeri seperti 29.8

29.9 Penggantian Anggota Majlis Perwakilan Negeri kerana kekosongan dibuat mengikut prosedur yang sama sebagaimana Anggota asal dipilih atau dilantik.

29.10 Korum persidangan Majlis Perwakilan Negeri ialah satu perdua (1/2) daripada jumlah anggotanya.

FASAL 30 ORGANISASI PERINGKAT KAWASAN

30.1 Jawatankuasa Pusat boleh menubuhkan cawangan pada peringkat kawasan sebagai suatu pecahan dari Negeri.

30.2 Jawatankuasa Pusat menyelia penyusunan ini melalui Jawatankuasa Negeri bagi negeri yang berkenaan.

30.3 Pentadbiran kawasan diselia oleh Jawatankuasa Kawasan.

30.4 *****DIMANSUHKAN*****

30.4.1 *****DIMANSUHKAN*****

30.4.2 *****DIMANSUHKAN*****

30.4.3 *****DIMANSUHKAN*****

30.5 Wilayah Persekutuan Labuan dianggap sebagai sebuah kawasan dalam Negeri Sabah.

30.6 *****DIMANSUHKAN*****

FASAL 31 JAWATANKUASA KAWASAN.

31.1 Anggota Jawatankuasa Kawasan hendaklah dipilih daripada kalangan Ahli Aktif atau Ahli Teras.

31.2 Anggota Jawatankuasa Kawasan dipilih oleh semua ahli IKRAM di kawasan berkenaan yang menghadiri Mesyuarat Agung Kawasan yang mengadakan pemilihan.

31.3 Anggota Jawatankuasa Kawasan hendaklah terdiri daripada:

31.3.1 Yang Dipertua

31.3.2 Timbalan Yang Dipertua

31.3.3 Ketua Wanita, yang dipilih mengikut Peraturan Wanita IKRAM

31.3.4 Setiausaha

31.3.5 Penolong Setiausaha

31.3.6 Bendahari

31.3.7 Tidak melebihi lapan (8) orang yang dipilih oleh Mesyuarat Agung Kawasan

31.3.8 Tidak melebihi tujuh (7) orang yang dilantik oleh Yang Dipertua.

31.4 Anggota Jawatankuasa Kawasan yang dipilih perlu pengesahan dari Jawatankuasa Pusat.

31.5 Jawatankuasa Kawasan berkuasa menubuhkan jawatankuasa-jawatankuasa kecil untuk melaksanakan kerja dan aktiviti di peringkat kawasan. Semua ahli boleh menganggotai jawatankuasa-jawatankuasa ini.

31.6 Penggal perkhidmatan Jawatankuasa Kawasan adalah dua (2) tahun.

31.7 Penggantian Anggota Jawatankuasa Kawasan kerana kekosongan dibuat mengikut prosedur yang sama sebagaimana Anggota asal dipilih atau dilantik.

FASAL 32 MESYUARAT AGUNG KAWASAN.

32.1 Berperanan memantau pelaksanaan dasar dan perancangan utama IKRAM pada peringkat kawasan

32.2 Memilih ahli Jawatankuasa Kawasan, Pengerusi Tetap dan Timbalan Pengerusi Tetap dan dua (2) Pemeriksa Kira-kira;

32.2A Penggal perkhidmatan Pengerusi Tetap dan Timbalan Pengerusi Tetap adalah dua (2) tahun

32.3 Memilih Wakil Kawasan ke Majlis Perwakilan Negeri. Jumlah wakil dari setiap kawasan ditentukan oleh Jawatankuasa Negeri secara berkadar dengan jumlah ahli IKRAM yang terdapat di kawasan berkenaan;

32.4 Semua ahli berhak hadir dan mengundi dalam Mesyuarat Agung Kawasan;

32.5 Mesyuarat Agung Kawasan dipanggil oleh Jawatankuasa Kawasan dan dipengerusikan oleh Pengerusi Tetapnya, dan dalam ketiadaannya oleh Timbalan Pengerusi Tetap. Jika kedua-duanya tidak dapat mempengerusikan Mesyuarat Agung Kawasan, mesyuarat bolehlah memilih salah seorang Ahli yang hadir untuk mempengerusikannya;

32.6 Mesyuarat Agung Kawasan menerima Laporan Tahunan dan mengesahkan Laporan Kewangan;

32.7 Korum Mesyuarat Agung Kawasan ialah satu perdua (1/2) dari jumlah ahli di kawasan berkenaan atau dua puluh (20) orang, mengikut mana yang lebih kecil.

FASAL 33 KEWANGAN

33.1 Sumber Kewangan IKRAM terdiri daripada perkara berikut:

33.1.1 Yuran Ahli;

33.1.2 Sumbangan, derma dan harta waqaf ahli dan bukan ahli atas nama IKRAM atau institusi IKRAM dan dipersetujui oleh Jawatankuasa Pusat;

33.1.3 Keuntungan dari harta IKRAM dan institusinya;

33.1.4 Keuntungan dari aktiviti-aktiviti perniagaan yang dimiliki oleh IKRAM yang dibenarkan oleh undang-undang.

33.2 Jawatankuasa Pusat hendaklah menyediakan peraturan kewangan untuk diluluskan oleh Dewan Perwakilan Nasional.

33.3 Tahun kewangan IKRAM ialah dari 1 Januari sehingga 31 Disember setiap tahun.

FASAL 34 YURAN AHLI

34.1 Tiap-tiap seorang Ahli Biasa, Ahli Aktif dan Ahli Teras hendaklah membayar dengan wangnya sendiri kepada Pusat melalui Kawasan sejumlah:

a. lima ringgit (RM 5) bagi Wang Pendaftaran dan lima ringgit (RM 5) bagi Yuran Tahunan; atau

b. lima ringgit (RM 5) bagi Wang Pendaftaran dan lima puluh ringgit (RM 50) bagi bayaran yuran untuk seumur hidup.

34.2 Yuran yang ditetapkan mengikut Fasal 34.1 di atas hendaklah dijelaskan tidak lewat daripada tarikh yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Pusat.

34.3 Tarikh pembayaran yuran oleh Kawasan kepada Pusat adalah ditetapkan oleh Jawatankuasa Pusat.

34.4 Mereka yang tidak menjelaskan yuran bagi sesuatu tahun, gugur hak-hak keahliannya bagi tahun tersebut.

FASAL 35 PENYIMPANAN DAN PENGGUNAAN WANG IKRAM

35.1 Tertakluk kepada Fasal 35.7 Jawatankuasa Negeri dan Jawatankuasa Kawasan boleh menentukan cara-cara mengutip, menyimpan dan menggunakan wang IKRAM di peringkat masing-masing.

35.2 Wang IKRAM, kecuali wang tunai dalam tangan hendaklah disimpan dalam

Bank.

35.3 Cek-cek dan borang-borang mengeluarkan wang dari Bank hendaklah ditandatangani oleh dua (2) daripada tiga (3) ahli Jawatankuasa berikut:

35.3.1 Presiden, Setiausaha Agung dan Bendahari bagi peringkat Pusat

35.3.2 Yang Dipertua, Setiausaha dan Bendahari bagi peringkat Negeri atau Kawasan.

35.4 Wang tunai dalam tangan bagi peringkat Pusat dan Negeri hendaklah tidak lebih dari satu ribu ringgit (RM 1000) dan bagi peringkat Kawasan tidak lebih dari lima ratus ringgit (RM 500).

35.5 Jawatankuasa Pusat berhak dan berkuasa di atas semua wang dan harta benda IKRAM Negeri yang telah dibubarkan.

35.6 Jawatankuasa Negeri berhak dan berkuasa di atas semua wang dan harta benda IKRAM Kawasan yang telah dibubarkan.

35.7 Jawatankuasa Pusat berkuasa membuat sebarang peraturan berkenaan dengan kewangan IKRAM bagi semua peringkat.

FASAL 36 HARTA ALIH DAN TAK ALIH

36.1 Tiap-tiap harta tak alih, iaitu tanah dan bangunan kepunyaan IKRAM Pusat hendaklah didaftarkan atas nama IKRAM dan harta tak alih kepunyaan IKRAM Negeri dan IKRAM Kawasan bolehlah didaftarkan atas namanya masing-masing.

36.2 Bagi harta tak alih kepunyaan IKRAM Pusat, pemegang jawatan semasa dalam Jawatankuasa Pusat iaitu Presiden, Setiausaha Agung dan Bendahari hendaklah dilantik menjadi Pegawai Pentadbiran Harta mengikut Seksyen 9(b) Akta Pertubuhan 1966. Kepada mereka diamanahkan semua harta kepunyaan IKRAM Pusat untuk ditadbir. Perlantikan Pegawai Pentadbir Harta IKRAM mestilah diperakukan oleh Pendaftar Pertubuhan Malaysia dan dimeterikan dengan meteri Pertubuhan IKRAM.

36.3 Bagi harta tak alih kepunyaan IKRAM Negeri atau Kawasan, pemegang jawatan semasa dalam Jawatankuasa Negeri atau Kawasan iaitu Yang Dipertua, Setiausaha dan Bendahari Negeri atau Kawasan hendaklah dilantik menjadi Pegawai Pentadbiran Harta mengikut Seksyen 9(b) Akta Pertubuhan 1966. Kepada mereka diamanahkan semua harta kepunyaan IKRAM Negeri atau Kawasan untuk ditadbir.

36.4 Sekiranya seseorang Pegawai Tadbir Harta itu tidak lagi memegang jawatan di dalam Pertubuhan seperti Fasal 36.2 dan 36.3, maka kuasanya dengan

sendirinya terlucut.

36.5 Kuasa untuk menentukan IKRAM membeli, mencagar, menjual, memindah, memajak atau menyewa harta tanah dan bangunan adalah terletak kepada Jawatankuasa Pusat dan bagi harta tak alih kepunyaan IKRAM Negeri dan IKRAM Kawasan, kuasa yang sama adalah terletak kepada Jawatankuasa masing-masing.

36.6 Tertakluk kepada fasal-fasal yang berkaitan sebelumnya Pentadbir Harta tidak boleh menjual, menarik balik atau menukar milik harta kepunyaan Pertubuhan tanpa persetujuan dan/atau kuasa yang diberikan melalui Persidangan Dewan Perwakilan Nasional atau Mesyuarat Agung Negeri atau Mesyuarat Agung Kawasan Pertubuhan.

FASAL 37 PEMERIKSA KIRA-KIRA

37.1 Dewan Perwakilan Nasional hendaklah melantik dua (2) orang Pemeriksa Kira-kira untuk memeriksa kira-kira dan harta IKRAM.

37.2 Majlis Perwakilan Negeri dan Mesyuarat Agung Kawasan hendaklah memilih dua (2) orang Pemeriksa Kira-kira untuk memeriksa kira-kira IKRAM Negeri dan Kawasan masing-masing.

37.3 Jika Pemeriksa Kira-kira menarik diri Jawatankuasa Pusat, Jawatankuasa Negeri dan Jawatankuasa Kawasan hendaklah memilih Pemeriksa Kira-kira yang baru untuk menggantikan mereka.

37.4 Jawatankuasa Pusat berkuasa pada bila-bila masa menjalankan pemeriksaan kira-kira wang dan harta IKRAM Negeri dan Kawasan dan Jawatankuasa Negeri berkuasa memeriksa kira-kira wang dan harta Kawasan.

37.5 Jawatankuasa Pusat berkuasa membuat sebarang peraturan mengenai wang dan harta IKRAM Negeri dan Kawasan.

FASAL 38 UNDANG-UNDANG KECIL

38.1 Dewan Perwakilan Nasional berkuasa membuat dan meminda Undang-undang Kecil dengan persetujuan lebih satu perdua (1/2) daripada ahli Dewan yang hadir.

38.2 Setiap ahli Dewan Perwakilan Nasional berhak untuk mengemukakan cadangan rang undang-undang untuk dipertimbangkan oleh Dewan Perwakilan Nasional.

FASAL 39 PINDAAN UNDANG-UNDANG

39.1 Pindaan terhadap Undang-undang ini memerlukan sokongan dua pertiga ($2/3$) daripada ahli Dewan Perwakilan Nasional yang hadir, dan hendaklah dikemukakan kepada Pendaftar Pertubuhan dalam tempoh enam puluh (60) hari dari tarikh keputusan meminda Undang-undang itu diluluskan.

39.2 Jawatankuasa Pusat atau mana-mana Anggota DPN atau Majlis Perwakilan Negeri boleh mencadangkan pindaan kepada Undang-undang.

39.3 Semua cadangan pindaan kepada Undang-undang hendaklah diterima oleh Ibu Pejabat IKRAM selewat-lewatnya dua puluh satu (21) hari sebelum Dewan Perwakilan Nasional. Ibu Pejabat IKRAM hendaklah mengedarkan cadangan pindaan tersebut kepada Anggota-anggota DPN selewat-lewatnya empat belas (14) hari sebelum Dewan Perwakilan Nasional bersidang.

FASAL 40 TAFSIRAN UNDANG-UNDANG

Jika berbangkit sebarang perselisihan tentang tafsiran Undang-undang ini atau Undang-undang Kecil yang dibuat di bawah kuatkuasanya maka tafsiran yang diberikan oleh Jawatankuasa Pusat hendaklah diterima pakai sehingga keputusan sebaliknya dibuat oleh Dewan Perwakilan Nasional.

FASAL 41 PEMBUBARAN

41.1 Pertubuhan ini boleh dibubarkan secara sukarela dengan persetujuan tidak kurang daripada tiga per empat ($3/4$) daripada jumlah ahli yang berhak mengundi yang hadir dalam suatu Dewan Perwakilan Nasional yang dipanggil kerananya.

41.2 Sekiranya pertubuhan hendak dibubarkan secara yang disebutkan di atas maka segala hutang dan tanggungan pertubuhan yang sah mengikut undang-undang hendaklah dijelaskan dan baki wang yang tinggal hendaklah diselesaikan mengikut cara yang dipersetujui dalam Dewan Perwakilan Nasional berkenaan.

41.3 Kenyataan bersabit dengan pembubaran itu hendaklah disampaikan kepada Pendaftar Pertubuhan dalam masa empat belas (14) hari dari tarikh pembubaran itu

LAMPIRAN

1. Bendera

-

2. Lambang



3. Lencana

-